

25 MAY 2001

AGONG BERKENAN HADIRI ISTIADAT PERBARISAN HARI KEPUTERAAN

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenan berangkat pada istiadat perbarisan mengarak panji-panji sempena Ulangtahun Hari Keputeraan Seri Paduka di Dataran Merdeka 2 Jun depan.

Menurut kenyataan Cawangan Perhubungan Awam Kementerian Pertahanan hari ini, turut berkenan berangkat pada istiadat itu ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Upacara perbarisan penuh istiadat ketenteraan itu akan dianggotai oleh 19 pegawai dan 412 anggota lain-lain pangkat.

Sebanyak tiga panji-panji utama Yang di-Pertuan Agong akan diarak iaitu Panji-panji Tentera Darat, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Selain itu sebanyak lima buah helikopter dari TUDM dan TLDM akan melakukan lintas hormat sambil membawa bendera Malaysia, bendera Angkatan Tentera Malaysia, bendera Tentera Darat, TLDM dan TUDM.

Orang ramai dijemput menyaksikan perbarisan itu yang bermula pukul 8 pagi hari berkenaan.

-- BERNAMA  
SHS AHH RHM